

Pelajar FKAL kumpul dana, baiki gelanggang bola tampar SK Bukit Kallam

UB 12.07.2024 P.06

LABUAN: Lima pelajar Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) melaksanakan Projek Crowdfunding SULAM (Service Learning Malaysia-University for Society) baru-baru ini.

Mereka berjaya mengumpul dana sebanyak RM2,000 untuk membaiki gelanggang bola tampar di Sekolah Kebangsaan (SK)Bukit Kallam, Wilayah Persekutuan Labuan.

Guru Besar SK Bukit Kallam, Dailah Desa mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakannya.

Beliau menghargai komitmen lima pelajar FKAL berkenaan, iaitu Muhammad Fauzi, Nurain Nadzirah, Hanif Qhuzairee, Chan Li Ying, dan Nurul Nazirah.

‘Satu usaha yang baik sekaligus memberi manfaat kepada warga sekolah khu-



TERHARU: Johann Junior Ong (dua kiri), Dr. Suzillah (enam kiri) dan Dalilah (lima kanan) bersama pelajar UMSKAL yang menjayakan projek berkenaan.

susnya murid-murid SK Bukit Kallam,’ katanya.

Penyelaras projek, Dr. Suzillah Sidek, berharap projek itu memberi manfaat besar kepada murid SK Bukit Kallam dengan menyediakan ruang selamat dan kondusif

untuk mereka bersukan, sekaligus meningkatkan semangat dan minat mereka dalam bidang sukan bola tampar.

Pada masa sama, katanya, projek itu secara tidak langsung menghubungkan lagi

jalinan kerjasama di antara FKAL UMSKAL dengan komuniti setempat terutama dengan institusi pendidikan di W.P. Labuan.

“FKAL UMSKAL menggalu-alukan kerjasama dua hala dengan jabatan dan



KERJASAMA: Johann Junior Ong (empat kiri), Dr. Suzillah (lima kanan) dan Dalilah (enam kanan) bersama pelajar FKAL UMSKAL yang membaiki Gelanggang Bola Tampar di Sekolah Kebangsaan Bukit Kallam.

agenji kerajaan serta NGO untuk bekerjasama menjayakan pelbagai program yang bermanfaat.

“Saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan projek itu,” katanya yang juga Pensyarah

Kanan FKAL.

Majlis gotong-royong dan penutupan turut dihadiri Presiden Kelab Bola Tampar Chailuk, Johann Junior Ong di samping Penyelaras Projek SULAM, Dr. Suzillah Sidek dan Guru Besar SK Bukit

Kallam, Dalilah Desa.

Kata Dr. Suzillah, kehadiran mereka menandakan kejayaan projek berkenaan yang dijalankan dengan penuh kerjasama antara pihak UMSKAL, SK Bukit Kallam dan komuniti setempat.



TAHNAIH: Abidin (tengah) dan Awang Marten bersama juara Kejohanan Bola Jaring Bawah 18, SSMK Mutiara



TERBAIK: Dari kiri Siti Atiah (Penyerang Terbaik), Nurul Farzana (Pemain Terbaik), Noraina (Penjaring Terbaik) dan Nurhazirah Huzra (Pembelaan Terbaik).



HEBAT: Nurazwati (belakang kanan) dan Siti Aishah (belakang kiri) bersama pelajar Bawah 18